



Headline: Guru, suri rumah kerugian RM90,000  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 16 August 2018

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 20

## ***Guru, suri rumah kerugian RM90,000***

**SUBANG JAYA** - Dua wanita kerugian hampir RM100,000 selepas diperdaya oleh sindiket Macau Scam dalam dua kejadian berasingan baru-baru ini.

Dalam kes pertama, mangsa yang juga seorang guru mendakwa menerima panggilan telefon dari sebuah bank yang mengatakan dia membuat pinjaman pada 18 April lalu di Pulau Pinang.

Si pemanggil memaklumkan kononnya permohonan pinjaman mangsa sebanyak RM50,000 sudah diluluskan pada 25 April lalu, namun mangsa menafikan membuat permohonan tersebut.

Panggilan mangsa kemudiannya disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang sebelum terdapat seorang lelaki yang mendakwa sebagai Sarjan Azman memberitahu terdapat tiga akaun bank terlibat dengan kes dadah.

Anggota polis itu turut memberitahu mangsa kononnya tangkapan sudah dibuat ke atas orang yang terlibat dalam kes seludup dadah dan pengelapan wang haram melibatkan akaun bank mangsa.

Susulan itu, anggota polis terbabit meminta mangsa membuat pindahan wang ke akaun sementara bagi memudahkan juruaudit bank negara menjalankan penyiasatan ke atas akaunnya.

Mangsa yang takut, terus mengikut arahan anggota polis itu dengan memindahkan wang sebanyak RM50,000 ke akaun bank diberikan kerana kegagalan berbuat demikian



**Kes itu sedang kita siasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.”**

- Mohammad Azlin

akan menyebabkan dirinya ditahan lokap selama 45 hari, selain semua aset miliknya akan dibekukan selama dua tahun enam bulan.

Mangsa yang tinggal di Subang Jaya itu kemudiannya menyedari dirinya ditipu dan terus membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya.

Dalam kes berasingan, seorang suri rumah turut menerima panggilan hampir serupa daripada individu yang menyamar sebagai polis pada jam 11 pagi, kelmarin.

Panggilan tersebut disambungkan kepada beberapa individu yang kononnya anggota polis dan meminta mangsa memberikan maklumat bank ekoran mangsa dikatakan mempunyai tunggakan bayaran bank sebanyak RM50,000 selain nama turut tersenarai terlibat dalam kes dadah.

Terkejut dengan perkara itu, mangsa kemudiannya mendedahkan nama serta kata laluan akaun

bank miliknya kepada polis berkenaan, sebelum menerima mesej dari bank mengatakan wang dari akaunnya berjumlah RM10,000, RM20,000 serta RM10,000 dipindahkan ke akaun bank lain bermula jam 2.05 petang hari yang sama.

Anggota polis itu juga memberitahu mangsa supaya tidak bimbang kerana pemindahan wang tersebut

kononnya untuk keselamatan dirinya.

Mangsa bagaimanapun berasa tidak sedap hati dan memaklumkan perkara tersebut kepada anaknya, sebelum mereka membuat laporan di IPD Subang Jaya kelmarin.

Mangsa turut memaklumkan, wang dalam akaun bank miliknya berjumlah RM100,000 keseluruhannya dan RM40,000 telah dipindahkan ke akaun lain oleh suspek.

Mangsa kemudiannya menghubungi pihak bank untuk meminta akaunnya disekat bagi menyelamatkan baki wang yang masih berada dalam bank.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari mengesahkan menerima laporan berhubung kedua-dua kes berkenaan.

“Kes itu sedang kita siasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,”katanya.